

# Lindungi kemerdekaan

BH 31 AUG 2002

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat melindungi dan menghargai kemerdekaan negara, bukannya mencipta masalah dan isu remeh hingga meruntuhkan segala-gala yang dibangunkan sejak 45 tahun lalu.

Sambil menyeru supaya menyanyangi dan mencintai kemerdekaan, Perdana Menteri mengingatkan rakyat jangan menggadai masa depan serta generasi akan datang kerana terlalu taksud dan fanatik dengan perkara remeh berbanding apa yang sudah dinikmati di negara tercinta ini.

**Nik Aziz boleh kena tindakan undang-undang – Muka 2**

**Perutusan PM sempena Hari Kemerdekaan ke-45 – Muka 10**

Bagi mengekalkan kemerdekaan, katanya, rakyat mesti sanggup mengorbankan sedikit kepentingan kaum supaya dapat menjalin hubungan baik sesama mereka, yang menjadi asas keselamatan dan keamanan serta penyumbang kepada kemajuan negara.

Beliau menegaskan, ancaman penajahan masih wujud dan jika rakyat tidak berhati-hati, tidak menghargai kemerdekaan dan benarkan diri dihasut sehingga sanggup cuba menjatuhkan pemerintahan negara, mereka akan dijajah semula.

“Apa yang diperkatakan ini bukan untuk menakutkan rakyat supaya menyokong kerajaan. Ini adalah kebenaran. Kuasa-kuasa besar masih berhasrat untuk menakluk dunia. Jika mereka tidak dapat menaklukinya dengan cara lama, mereka akan cipta cara baru.

“Tetapi tujuannya sama iaitu menjajah negara yang lemah, negara yang diduduki oleh kaum yang bukan sebangsa dengan mereka, negara yang kaya dengan sumber alam yang boleh dieksploitasi oleh mereka.

**LIHAT MUKA 2**

## Pengorbanan rakyat tidak hilangkan identiti kaum

BH 31 AUG 2002  
DARI MUKA 1

“Yang jelas ialah kita tidak selamat semata-mata kerana kita sudah merdeka,” katanya dalam perutusan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-45, yang disiarkan secara langsung melalui televisyen, malam ini.

Sempena ulang tahun kemerdekaan esok, rakyat di seluruh negara menyertai pelbagai acara sebelum menunggu detik 12 tengah malam ini, waktu negara mencapai kemerdekaan 45 tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, pengorbanan yang perlu dilakukan rakyat hanya sedikit dan tidak akan menghilangkan identiti kaum masing-masing, sebaliknya menjadikan mereka lebih berbangsa Malaysia.

“Jika hari ini negara kita tidak dilanda rusuhan kaum seperti di negara berbilang kaum lain, sebabnya ialah pengasas negara kita terdiri daripada orang yang dibesarkan dalam masyarakat pelbagai kaum.

“Mereka dapat hidup, belajar, bekerja dan bermain dengan rakan-rakan daripada semua kaum. Mereka sedar akan adat resam dan sensitiviti masing-masing kaum. Dan mereka secara sedar tidak menghinakan atau mempermainkan agama, budaya dan bahasa kaum masing-masing,” katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, hari ini berlaku pengasingan secara sengaja antara kaum di Malaysia apabila sekolah Kebangsaan yang ditubuh untuk semua kaum, semakin lama semakin kurang pelajar daripada bukan Melayu.

Selain itu, percubaan untuk merapatkan murid sekolah rendah dengan menempatkan sekolah Kebangsaan, Cina

dan Tamil dalam satu kawasan pula ditentang puak ekstremis seolah-olah mereka tidak suka anak mereka berdekatan dan anak kaum lain.

Di universiti awam, pelajar mengasingkan diri mengikut kaum manakala di universiti swasta yang mengenakan yuran tinggi pula hampir semua pelajar adalah bukan Melayu.

“Perkembangan ini menyebabkan penuntut daripada kaum di Malaysia terpisah antara satu sama lain. Mereka tidak terdedah kepada adat resam, pantang larang kaum lain. Mereka tidak sensitif dan tidak dapat memahami cara bergaul sesama mereka,” katanya.

Dr Mahathir juga meminta penentang cadangan penggunaan Bahasa Inggeris bagi pengajaran Sains dan Matematik supaya berhenti mempolitikkan perkara itu kerana ia boleh menggugat keamanan dan kemakmuran negara.

Kerajaan, katanya, tidak berniat untuk membelakangkan mana-mana bahasa rakyat Malaysia, sebaliknya mahu melengkapkan rakyat berbilang kaum dengan ilmu supaya mereka boleh bersaing dengan bangsa lain dalam dunia yang kian mencabar.

“Janganlah jadikan setiap usaha baik kerajaan sebagai isu perkauman. Lihatlah rekod kerajaan sejak kita merdeka. Kita bangunkan negara ini sehingga ia diiktiraf sebagai satu-satunya negara membangun yang berjaya walaupun kita terpaksa layan tuntutan pelbagai kaum dengan agama, budaya dan bahasa berbeza.

“Kerajaan ini tidak pernah menganiayai atau menindas mana-mana kaum. Semua kaum diberi perhatian yang sewajar,” tegasnya.